



DR. MAHATHIR MOHAMAD menjawab soalan pemberita selepas Temu Rapat Bersama Ahli Parlimen Pakatan Harapan dan Warisan di Subang Jaya, Selangor, semalam. - UTUSAN/MOHD. SHAHARANI SAIBI

Rakyat masih sokong PH

Oleh SITI ROHAIZAH ZAINAL
pengarang@utusan.com.my

■ **SUBANG JAYA 6 OKT.**

TUN Dr. Mahathir Mohamad yakin rakyat masih bersama dengan kerajaan Pakatan Harapan (PH) dan dakwaan beberapa pihak yang mengatakan sokongan terhadap kerajaan mula menurun tidak tepat.

Perdana Menteri yang juga Pengerusi PH berkata, pihaknya sedar bahawa ada pihak menyatakan sokongan rakyat terhadap parti itu telah menurun daripada 80 peratus kepada 38

peratus.

Jelasnya, walaupun ketika ini PH masih didokong dan diharagai rakyat, kerajaan perlu berjaga-jaga agar ia tidak merosot.

"Saya tidak tahu daripada mana mereka buat kajian ini tetapi saya sendiri ramai yang hendak bersalam dan ambil gambar. Malah, yang lain juga (pemimpin lain) pun begitu, ramai orang hendak ambil gambar dan bersalam.

"Ini bukti sokongan masih ada tetapi apabila ada kajian yang bukan kesungguhan tetapi dengan bertanya kepada sebilangan kecil pendapat mereka diambil, seolah-olah ia adalah

pendapat semua pihak.

"Kita berpendapat ia tidak tepat dan setakat kita tahu, sokongan kepada kerajaan masih kuat dan kerajaan terdiri daripada lima parti bergabung masih kekal sebagai kerajaan. Malah, kita boleh berbincang perkara dan masalah dan keputusan dapat diterima semua," katanya.

Beliau berkata demikian dalam sidang akhbar selepas program Temu Rapat Bersama Ahli Parlimen Pakatan Harapan dan Warisan Formula 2020 di sini hari ini.

Yang turut hadir, Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Wan Azizah Wan Ismail; Pre-

siden PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim; Presiden Parti Amanah Negara (Amanah), Mohamad Sabu dan Setiausaha Agung DAP, Lim Guan Eng.

Sementara itu, dalam perkembangan berasingan, Anwar memaklumkan pihaknya belum lagi mempertimbangkan permohonan bekas Menteri Komunikasi dan Multimedia, Datuk Seri Dr. Salleh Said Keruak untuk menganggotai parti itu.

Anwar berkata, borang permohonan bekas Ahli Majlis Tertinggi UMNO itu telah diterima, namun perkara itu belum dibincangkan dalam mesyuarat bersama kepimpinan parti.